

Mangsa along enggan beri kerjasama

KUALA LUMPUR: Siasatan polis berhubung kes along yang bertindak kejam mengurung dan merantai peminjam yang gagal membayar pinjaman dalam satu kejadian di Taman Perindustrian, Sri Kembangan, bulan lalu, terbantut kerana mangsa dan saksi gagal memberi kerjasama.

Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar, berkata tindakan segelintir yang tiba-tiba enggan bekerjasama sama ada untuk memberi keterangan atau mengecam suspek menyukarkan polis menyelesaikan kes itu.

"Tindakan mereka yang tiba-tiba berubah fikiran dan enggan bekerjasama membuatkan kes sukar diselesaikan walaupun ki-

ta mempunyai maklumat tepat.

"Sepatutnya mangsa lebih bersedia memberi keterangan untuk membanteras gejala ini daripada terus berleluasa," katanya pada sidang media selepas Majlis Tamat Latihan Kos Suksis di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, dekat sini, semalam.

Mengulas lanjut, Khalid berkata, jika mangsa dan saksi didapati diugut oleh mana-mana pihak supaya tidak memberi kerjasama, mereka hanya perlu melaporkan kepada polis untuk diambil tindakan.

Setakat ini, polis sudah menahan tujuh along yang terbabit dengan kejadian berkenaan dan masih memburu lima suspek untuk membantu siasatan.